

UMP dapat penarafan lima bintang

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima pengiktirafan antarabangsa dengan pencapaian penarafan lima bintang keseluruhan terbaik tahun ini berdasarkan Sistem Penilaian *Quacquarelli Symonds* (QS) *Stars Rating 2018*.

Penilaian berkenaan dilaksanakan *QS Intelligence Unit* iaitu sebuah organisasi pengauditan universiti me-

lalui *QS World Ranking* yang berpusat di London.

Lebih membanggakan pencapaian lima bintang itu menjadikan UMP satu-satunya universiti teknikal di Malaysia mengungguli pencapaian cemerlang di negara ini bersama lima universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia

(UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Naib Canselor UMP Profesor Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP mencapai lima bintang dalam kategori pengajaran, kebolehpasaran pekerjaan, pengantarabangsaan, kemudahan, inovasi dan inklusif hasil budaya kerja cemerlang seluruh warga universiti.